



UUM

Universiti Utara Malaysia 06010 UUM Sintok, Kedah Darul Aman, Malaysia. Tel: 604 - 928 4000

“KEDAH SEJAHTERA”

BEND20120222-KB0004

22 Februari 2012

PEKELILING BENDAHARI BIL 4/2012

Semua Penolong Naib Canselor/Ketua Jabatan/Pengarah
Universiti Utara Malaysia

YBhg. Dato’/Prof./Tuan/Puan

PEMBAYARAN BIL/ INVOIS DALAM TEMPOH 14 HARI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Untuk makluman, Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKMKPK) telah mengarahkan supaya Pegawai Pengawal memastikan semua bil dan tuntutan yang diterima dari pembekal dan kontraktor dibayar segera tidak lewat daripada empat belas (14) hari dari tarikh bil diterima.

Mengikut rekod di Jabatan Bendahari masih terdapat bil/ invois yang dibayar melebihi tempoh empat belas (14) hari dari tarikh diterima oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ). Untuk makluman, Jabatan Bendahari perlu mengemukakan laporan mengenai prestasi bayaran pada setiap dua (2) minggu kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPTM). Lanjutan dari itu UUM telah kerap kali ditegur berhubung prestasi bayaran oleh kerana kegagalan kita mematuhi arahan tersebut.

Dari semakan, kami mendapati terdapat sesetengah PTJ yang mengambil masa melebihi tujuh (7) hari untuk mengemukakan Daftar Bil ke Jabatan Bendahari dari tarikh bil/ invois diterima oleh PTJ. Keadaan sedemikian sepatutnya tidak berlaku dan Ketua PTJ perlu memastikan bil/ invois diambil tindakan segera oleh pegawai bertanggungjawab untuk penyediaan daftar bil dan mengemukakannya ke Jabatan Bendahari.



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO.: 480411

2004
MAMPU
BERSAMA SAMA
BERUSAHA MELAKUKAN

Status Institution



Ketua Setiausaha Perbendaharaan
(Secretary General of Treasury)

Kompleks Kementerian Kewangan
No.5, Persiaran Perdana
Presint 2
62592 PUTRAJAYA
Tel. : 03-88823333
Telefaks : 03-88824224
Telex : FEDTRY MA 30242
Laman Web : www.treasury.gov.my

BPKS(8.15)248-15 JD.20()

6 Februari 2009

Semua Pegawai Pengawal

YBhg' Tan Sri/Datuk/Dato',

PERINGATAN MENGENAI PEMBAYARAN BIL DALAM TEMPOH 14 HARI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) yang bermesyuarat pada 3 Februari 2009 telah mengarahkan supaya Pegawai Pengawal diberi peringatan bagi memastikan semua bil dan tuntutan yang diterima daripada pembekal dan kontraktor dibayar dengan segera tidak lewat daripada 14 hari dari tarikh bil diterima atau selaras dengan syarat-syarat perjanjian atau kontrak mengikut mana yang berkenaan, seperti mana digariskan di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2006.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz Wan Abdullah)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan

s.k.: Ketua Setiausaha Negara

Ketua Audit Negara Malaysia

Akauntan Negara Malaysia

Sehubungan dengan itu berkuatkuasa serta merta, sekiranya terdapat mana-mana Daftar Bil yang diterima oleh Jabatan Bendahari melebihi dari tujuh (7) hari dari tarikh bil/ inouis diterima oleh PTJ, tuan/puan akan diminta memberi penjelasan berhubung kelewatan tersebut sebelum proses bayaran dilakukan oleh Jabatan Bendahari.

Sekian, terima kasih.

“ILMU BUDI BAKTI”

Saya yang menurut perintah


~~HJ AMRON MAN~~
Bendahari
Universiti Utara Malaysia

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor
- Edaran